

BAHAGIAN B

[30 markah]

- 1 Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

Malaysia mempunyai pelbagai lokasi pelancongan yang unik. Antara tempat percutian yang sering dikunjungi oleh pelancong ialah ibu kota, tanah tinggi, bangunan bersejarah, pusat kraftangan, dan pulau. Mereka dapat melakukan pelbagai aktiviti yang menarik di tempat-tempat tersebut seperti membeli-belah, menyelam skuba, memanjat gunung, melukis batik, dan menikmati makanan tempatan. Mereka dapat menyaksikan persembahan kebudayaan tempatan juga. Contohnya, dikir barat, wayang kulit, dan oprah Cina. Keunikan ini menjadikan negara kita sering menjadi destinasi pilihan pelancong asing.

- (i) _____
(ii) _____

[2 markah]

- 2 Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Zarif telah mengadakan laporan lawatan sambil belajar ke Pusat Sains Negara semalam.

(ii) Encik Nazri mengurniai anaknya, Sarah bahan bacaan yang bermutu tinggi sempena hari lahir Sarah yang ke-15 tahun.

[2 markah]